



Buletin **MBMB**

JANUARI - JUN 2024

Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah **EDISI 1**



ANUGERAH DAN PENCAPAIAN

Asean Tourism Awards

03

PROGRAM-PROGRAM MBMB

Majlis Perasmian Reverse Vending Machine MBMB

22

PERSATUAN / KELAB

Ceramah Agama Perdana Asatizah Selebriti

30

PERCUMA



Imbas
Kod QR

Untuk mengakses
Buletin MBMB
dalam talian



Majlis Bandaraya
Melaka Bersejarah



mbmb.official



@MBMBOfficial



mb_melakabersejarah



MBMB Official



www.mbmb.gov.my



013-302 9700
(Aduan)

Isi Kandungan

ANUGERAH DAN PENCAPAIAN	1
DIARI MBMB	2
PROGRAM-PROGRAM MBMB	5
MEDIA	10
MBMB CAKNA	12
KURSUS / LATIHAN / BENGKEL	15
PERSATUAN / KELAB MBMB	20
SEKALUNG BUDI	22
OPS PENGUATKUASA MBMB	25
KLIK KLIK MBMB	30

Bicara Hikmah

"Kebaikan ialah apa-apa yang membuat jiwamu tenang. Manakala dosa adalah yang membuat jiwamu gelisah dan ragu-ragu di hatimu."

(Hadis Riwayat Ahmad)

Sidang Redaksi

PENASIHAT

YBhg. Datuk Hj. Shadan Bin Hj. Othman
Datuk Bandar MBMB

PENGERUSI

Tn. Ahmad Azlan bin Ahmad Salleh
Setiausaha Bandaraya MBMB

KETUA PENGARANG

Pn. Norfadzlina binti Mohammad Sharif
Pengarah Jabatan Pengurusan Korporat & Komuniti

PENGARANG

Pn. Syafrina binti Mohd Yusop
Penolong Pengarah Kanan
Jabatan Pengurusan Korporat & Komuniti

PENOLONG PENGARANG

Pn. Suhaida binti Hj. Razab

JURUFOTO

En. Muhammad Syaiful bin Md Nasir
Pn. Nor Adila binti Amzah

EDITOR OLEH

Jabatan Pengurusan Korporat & Komuniti,
Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah,
Graha Makmur, No.1, Jalan Tun Abdul Razak-Ayer Keroh,
Hang Tuah Jaya, 75450 Melaka.

Penerbit tidak akan bertanggungjawab atas sebarang pelanggaran hakcipta dan masalah daripada penerbitan ini. Sebarang maklum balas atau cadangan boleh dihantar kepada Jabatan Pengurusan Korporat & Komuniti.

REKABENTUK DAN CETAKAN OLEH

Era Gemilang Multitrade



majlis.bandaraya.melaka



Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah



Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah



Majlis Anugerah MISHA EXCELLENCE OSH LEADERSHIP AWARD 2023

10 Januari - Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah telah menerima Anugerah MiSHA Excellence Award on OSH Risk Management in Government Sector (Gold) dan MiSHA Excellence OSH Leadership Award anjuran Malaysian Industrial Safety and Health Association on OSHPOP 2023 di Wyhdham Grand Bangsar, Kuala Lumpur.

YBhg. Datuk Hj. Shadan bin Hj. Othman turut menerima Anugerah Tokoh Kepimpinan KKP 2023. Anugerah tersebut telah disampaikan oleh En. Bahrudin Bin Mamat, Timbalan Ketua Pengarah (Keselamatan Pekerja), Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Malaysia.

Hadir sama Tn. Hj. Moahzam bin Asari, Pengarah Landskap dan Pengindahan Bandaraya, Pegawai-pegawai Kanan serta anggota Jabatan Landskap dan Pengindahan Bandaraya MBMB.

Tahniah diucapkan !



ASEAN TOURISM AWARDS

26 Januari - Majlis Penyampaian ASEAN Tourism Awards telah diadakan di Grand Ballroom, Landmark Riverside Hotel, Lao PDR. Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah telah menerima Anugerah Asean Clean Tourist City Standard dan anugerah tersebut telah disampaikan oleh YBhg. Dato' Roslan Tan Sri Abdul Rahman, Ketua Setiausaha MOTAC Malaysia kepada YB Datuk Rais bin Datuk Wira Yasin, EXCO Perumahan, Kerajaan Tempatan, Saliran, Perubahan Iklim dan Pengurusan Bencana.

MBMB telah berjaya merangkul anugerah ini kerana telah mematuhi semua kriteria penilaian ASEAN Clean Tourist City Standard di mana penilaian telah dilaksanakan pada bulan Jun 2023 oleh Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia.

Tahniah diucapkan kepada seluruh warga kerja Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah di atas pengiktirafan ini.



SIJIL PENILAIAN TEKNIKAL PEMATUHAN GARIS PANDUAN PENGURUSAN DAN PENYELENGGARAAN KOLAM RENANG AWAM DI KAWASAN PBT

14 Februari - Sesi Penyampaian Sijil bagi Penilaian Teknikal Pematuhan Garis Panduan Pengurusan dan Penyelenggaraan Kolam Renang Awam di kawasan Pihak Berkuasa Tempatan tahun 2023 telah berlangsung di Bilik Mesyuarat Utama, Jabatan Kerajaan Tempatan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah telah mencapai keputusan Cemerlang bagi Penilaian Teknikal Pematuhan Terhadap Garis Panduan Pengurusan dan Penyelenggaraan Kolam Renang PBT iaitu Kolam Renang Pusat Akuatik Hang Jebat. Sijil penghargaan tersebut telah diserahkan oleh Tuan Ar. Zuhairi bin Manaf, Timbalan Ketua Pengarah Teknikal (Perundingan dan Perundangan), Jabatan Kerajaan Tempatan kepada Ts. Safuan Effendy bin Mat Ghani, Pengarah Infrastruktur Komuniti dan Logistik MBMB. Hadir sama pegawai kanan MBMB.

Tahniah diucapkan kepada Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah atas pengiktirafan ini!



ANUGERAH BANDAR PALING BAHAGIA 2024

15 Mac - Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah telah terpilih menerima penganugerahan Bandar Paling Bahagia 2024 sempena Sambutan Hari Kebahagiaan Sedunia bersama-sama 9 bandar yang lain yang telah dirasmikan oleh YB Tuan Nga Kor Ming, Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan.

YBhg. Datuk Hj. Shadan bin Hj. Othman, Datuk Bandar MBMB telah menerima anugerah tersebut daripada YB Tuan Nga Kor Ming. Hadir sama, Tn. Ahmad Azlan bin Ahmad Salleh, Setiausaha Bandaraya MBMB serta Pegawai-pegawai Kanan MBMB. Antara penyumbang utama tahap kebahagiaan dan kesejahteraan penduduk adalah kualiti perkhidmatan yang diberikan oleh PBT seperti penjagaan kebersihan persekitaran, pengurusan sisa pepejal serta kutipan sampah yang berkesan dan teratur.

Tahniah MBMB!



ANUGERAH INTEGRITI, GOVERNANS DAN ANTIRASUAH (AIGA) 2023

29 Februari - Setinggi-tinggi tahniah Pengurusan Tertinggi dan Seluruh Warga Kerja Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah di atas pengiktirafan memperoleh Anugerah Emas sempena Anugerah Integriti, Governans dan Antirasuah (AIGA) 2023. Majlis ini telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Seri Amir Hamzah bin Azizan, Menteri Kewangan II. Hadir sama YBhg. Tan Sri Dato' Seri Mohd Zuki bin Ali, Ketua Setiausaha Negara merangkap Pengerusi Institut Integriti Malaysia. YBhg. Datuk Hj. Shadan bin Hj. Othman, Datuk Bandar MBMB telah menerima anugerah penghargaan tersebut. Turut hadir meraikan kejayaan pada malam ini YB Datuk Rais bin Datuk Wira Yasin, EXCO Kanan Perumahan, Kerajaan Tempatan, Saliran, Perubahan Iklim dan Pengurusan Bencana, Pegawai-pegawai Kanan MBMB.

Tahniah MBMB di atas pengiktirafan ini!!!

Majlis Anugerah BANDAR RENDAH KARBON 2023

7 Februari - Majlis Anugerah Bandar Rendah Karbon 2023 telah diadakan di M Resort Hotel Kuala Lumpur dan telah dirasmikan oleh YB Nik Nazmi bin Nik Ahmad, Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam. Majlis Bandar Raya Melaka Bersejarah telah menerima 6 Diamond iaitu LCC ZONE :

1. Melaka low carbon city
- LCC PARTNERS :
 2. Bangunan graha makmur
 3. Kompleks logistik MBMB
 4. Tapak semaian MBMB
 5. Kompleks renang MBMB
 6. Medan selera persimpangan peringggit

Anugerah telah disampaikan oleh YB Tuan Nik Nazmi Bin Nik Ahmad, Menteri Sumber Asli Dan Kelestarian Alam kepada YB Datuk Zulkiflee bin Datuk Mohd Zin, Timbalan EXCO Perumahan, Kerajaan Tempatan, Saliran, Perubahan Iklim dan Pengurusan Bencana Negeri Melaka mewakili Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah. Kemenangan ini menunjukkan komitmen dan usaha berterusan yang dilaksanakan oleh MBMB di dalam menangani isu perubahan iklim dan mengurangkan pembebasan karbon ke udara untuk mencapai status Bandaraya Melaka Pintar dan Rendah Karbon 2035.



KUNJUNG HORMAT YBHG. DATUK BANDAR MBMB KE KPKT

2 Januari - YBhg. Datuk Hj. Shadan bin Hj. Othman, Datuk Bandar MBMB merangkap Presiden MALA telah mengadakan kunjung hormat ke Jabatan Kerajaan Tempatan, Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan. Kunjung hormat ini disambut mesra oleh YBhg. Dato' Mohd Fadzli bin Mohd Kenali, Ketua Pengarah Jabatan Kerajaan Tempatan, KPKT serta warga kerja JKT. Tujuan kunjung hormat ini adalah bagi menyampaikan jemputan Tahun Melawat Melaka 2024, Jemputan Persembahan Perdana Pesta Gendang Nusantara, serta Majlis Perasmian Sukan MALA. Turut dibincangkan adalah Majlis Perasmian Pertandingan Inovasi MALA 3.0 tahun 2025 serta Mesyuarat Agong MALA Kali ke 23. Hadir sama Pegawai-pegawai Kanan MBMB yang merupakan ahli jawatankuasa MALA.



KUNJUNG HORMAT YBHG. DATUK BANDAR KE SPRM MELAKA



22 Mac - Program Kunjung Hormat YBhg. Datuk Bandar, Datuk Hj. Shadan bin Hj. Othman ke atas Pengarah Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Melaka telah diadakan di Pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Melaka, Alai. Kunjung hormat ini disambut oleh Tn. Adi Supian bin Shafie, Pengarah Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia Melaka (SPRM) bersama pegawai-pegawai kanan SPRM. Turut hadir, Clr. Mustafa bin Mohamed Baboo, Ketua Ahli Majlis, Clr. Zamani bin Md Isa, Timbalan Ketua Ahli Majlis, Tn. Ahmad Azlan bin Ahmad Salleh, Setiausaha Bandaraya MBMB, Ketua Unit Integriti MBMB, Ketua-ketua jabatan serta pegawai-pegawai kanan MBMB. Semoga pihak MBMB dan SPRM dapat bekerjasama dengan lebih erat bagi memastikan tadbir urus MBMB berkaitan integriti di tahap terbaik.

Terima kasih pihak SPRM Melaka!

LAWATAN PENANDA ARAS UNIT INTEGRITI MBMB KE SPRM PUTRAJAYA DAN INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA (IIM)

14 Mei - Unit Integriti MBMB telah mengadakan lawatan penanda aras ke SPRM Putrajaya dan Institut Integriti Malaysia (IIM). Delegasi telah diketuai oleh YBhg. Datuk Hj. Shadan bin Hj. Othman, Datuk Bandar MBMB. Hadir sama Ahli-ahli Majlis MBMB, Ketua-ketua Jabatan dan Ketua-ketua Unit MBMB. Rombongan delegasi telah diberikan taklimat dan penerangan berhubung peranan SPRM, isu-isu, cabaran dan inisiatif pendidikan antirasuah oleh PJP Muhammad Zaim bin Mohd Zuki, Ketua Seksyen Agensi, SPRM Putrajaya. Delegasi juga di bawa melawat sekitar bangunan Ibu Pejabat SPRM, Sky Bridge Aras 11 dan Konti MCC.fm. YBhg. Datuk Bandar juga turut kunjung hormat ke Pejabat Tn. Samsul bin Sulip, Timbalan Pengarah PenMas KPKPj. Semoga lawatan ini mendapat ilmu yang bermanfaat dalam usaha untuk tidak berkompromi dengan rasuah dan bekerja dengan berhemah dan berintegriti.



LAWATAN KERJA PBT-PBT / AGENSI-AGENSI LUAR KE MBMB

Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah MBMB sentiasa terbuka menerima kunjungan dan lawatan daripada PBT-PBT atau agensi-agensi luar untuk bertukar-tukar pandangan dan berkongsi pengetahuan yang ada untuk dijadikan sumber rujukan. Semoga lawatan-lawatan sebegini dapat mengeratkan hubungan dua hala antara MBMB dan agensi-agensi luar

PBT
MAJLIS BANDARAYA IPOH

Tarikh : 12 Jan 2024

Delegasi seramai 14 orang ini diketuai oleh Tuan Haji Musa bin Dun, Pengarah Kanan Pentadbiran dan Operasi Majlis Bandaraya Ipoh. Sesi perkongsian Maklumat berkenaan Permit Bangunan dan Struktur Sementara telah disampaikan oleh Tuan Haji Anuar bin Dolmat Pengarah Kawalan Bangunan, MBMB manakala Sesi perkongsian berkaitan Pengurusan Tapak Warisan Dunia Melaka di sampaikan oleh En. Shahnizam bin Ibrahim, Penolong Jurutera Kanan Jabatan Kawalan Bangunan, MBMB.



PBT
MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG

Tarikh : 16 Februari 2024

Delegasi seramai 8 orang tersebut diketuai oleh En. Kamaruzaman bin Sabri, Ketua Bahagian Elektrikal, Jabatan Kejuruteraan, Majlis Perbandaran Selayang. Taklimat telah disampaikan oleh Ir. Ts. Harmidi bin Ali, Penolong Pengarah, Jabatan Kejuruteraan MBMB.



PBT
MAJLIS BANDARAYA PULAU PINANG

Tarikh : 7 Mei 2024

Delegasi MBPP seramai 12 orang diketuai oleh Timb.Pengarah Sr. Khairul Anaz bin Murat. Taklimat mengenai Proses Migrasi Data Cukai Taksiran di MBMB telah disampaikan oleh Sr. Hj. Mohd Nasir bin Bakri, Pengarah Penilaian dan Pengurusan Harta MBMB



PBT
MAJLIS DAERAH PAPAR, SABAH

Tarikh : 16 Mei 2024

Delegasi seramai 33 orang ini diketuai oleh YBhg. Datuk Hj. Pengiran. Saifuddin bin Pengiran Tahir, Naib Pengerusi, Majlis Daerah Papar, Sabah. Taklimat telah disampaikan oleh 4 orang pegawai kanan MBMB.



PBT
MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA

Tarikh : 17 Mei 2024

Delegasi seramai 12 orang yang diketuai oleh En. Khairulazri bin Abdul Rahman, Pengarah Jabatan Penilaian dan Pembangunan Harta MPAJ. Taklimat mengenai cukai taksiran telah disampaikan oleh Sr. Hj. Mohd Nasir bin Bakri, Pengarah Penilaian dan Pengurusan Harta MBMB.



PBT
MAJLIS PERBANDARAN SEPANG

Tarikh : 4 Jun 2024

Delegasi seramai 27 orang ini diketuai oleh En. Mohd Shahril bin Abdul Samat, Penolong Pengarah Penguatkuasaan, Majlis Perbandaran Sepang. Taklimat berkenaan Proses dan Prosedur Pengurusan Barang Sitaan / Pelupusan Jabatan Penguatkuasaan telah disampaikan oleh En. Irwan bin Samat, Pengarah Jabatan Penguatkuasaan MBMB.



AGENSI

KEMENTERIAN INFRASTRUKTUR DAN PENGANGKUTAN KERAJAAN BHUTAN

Tarikh : 19 Februari 2024

Delegasi seramai 15 orang ini diketuai oleh Ms. Bhawana Chhetri , Ketua Perancang Bandar, Kementerian Infrastruktur dan Pengangkutan, Kerajaan Bhutan. Taklimat telah disampaikan oleh En. Mohamad Zulikhram bin Zulibrahim , Penolong Pengarah, Jabatan Perancangan Bandar MBMB.



AGENSI

JABATAN PENGURUSAN HARTANAH, TUNKU ABDUL RAHMAN UNIVERSITY OF MANAGEMENT AND TECHNOLOGY (TARUMT)

Tarikh : 1 Mac 2024

Delegasi seramai 38 orang ini diketuai oleh Puan Siti Rahayu Zakaria, Ketua Program Diploma Pengurusan Harta (Real Estate Management), Jabatan Pengurusan Harta, TARUMT. Taklimat telah disampaikan oleh Tuan Sr. Hj. Mohd Nasir bin Bakri, Pengarah Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta MBMB dan Encik Shahnizam bin Ibrahim, Jabatan Kawalan Bangunan MBMB.



AGENSI

TIMBALAN SETIAUSAHA KERAJAAN PULAU PINANG

Tarikh : 8 Mac 2024

Delegasi lawatan seramai 11 orang yang diketuai oleh YBhg. Dato' Mohd Zakuan bin Hj. Zakaria, Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan) ini adalah bertujuan berkongsi maklumat mengenai pelaksanaan Car Free Zone di negeri Melaka. YBhg. Datuk Hj. Shadan bin Hj. Othman , Datuk Bandar MBMB telah menyampaikan taklimat berkaitan Car Free Zone dan Pengurusan Beca dalam kawasan pelancongan.



AGENSI

JABATAN KERJA RAYA NEGERI KEDAH CAWANGAN KEJURUTERAAN ELEKTRIK

Tarikh : 24 April 2024

Delegasi diketuai oleh Ir. Rohizan bin Abdul, Jurutera Elektrik Kanan, JKR bersama-sama 17 orang warga kerja JKR bagi melihat pelaksanaan Sistem Pintar Kawalan Trafik MBMB yang melibatkan 11 zon dan 33 persimpangan sehingga kini. Taklimat telah disampaikan oleh Ir. Ts. Harmidi bin Ali, Penolong Pengarah Kanan Kejuruteraan MBMB.



AGENSI

BAHAGIAN PERANCANGAN DAN PEMBANGUNAN, JABATAN WILAYAH PERSEKUTUAN (JWP)

Tarikh : 23 Mei 2024

Lawatan ini diketuai oleh YBhg. Datuk Ramlee bin Yatim, Timbalan Ketua Pengarah JWP (Perancangan dan Pembangunan) bersama-sama 13 orang delegasi. Antara projek inovasi yang dilawati adalah Melaka Touch Point di Dataran MBMB, ESS-15, Kiosk Drive-Thru, projek Smart Grid, smart mobility iaitu motor elektrik dan dashboard i-Trafik.



AGENSI

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA (UKM)

Tarikh : 14 Mei 2023

Lawatan diketuai oleh YBhg. Prof . Madya Dr. Normah binti Awang bersama-sama 33 orang delegasi pelajar daripada UKM. Lawatan ini adalah bertujuan perkongsian ilmu mengenai tatacara dan kerja Unit Undang-undang serta tatacara penyiasatan oleh MBMB. Taklimat telah disampaikan oleh Pn. Fahazaratul Hidayah binti Shaharom, Pegawai Undang-Undang



AGENSI

KOLEJ MATRIKULASI NEGERI SEMBILAN (KMNS)

Tarikh : 24 Mei 2024

Lawatan diketuai oleh En. Muhundhan A/L Wayyapan, Pengerusi Jawatankuasa Tadbir Urus EKSA, KMNS bersama-sama 23 orang delegasi tenaga pengajar dari KMNS. Lawatan ini adalah bagi perkongsian ilmu dan bertukar pandangan mengenai amalan pembudayaan hijau dan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) di MBMB



Sesi Kunjung Hormat Ke PEJABAT DATUK BANDAR MBMB

PERBADANAN PENGURUSAN
SISA PEPEJAL DAN PEMBERSIHAN
AWAM (SWCORP)

5 Mac 2024



PM MULTILINK SDN. BHD.

21 Mac 2024



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
USAHAWAN DAN KOPERASI

29 April 2024



DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA
(DBP)

30 April 2024



SYARIKAT HANDAL INDAH
SDN. BHD.

9 Mei 2024



DUTA ROMANIA,
HE MRS NINETA BARBULESCU

17 Mei 2024





AHLI LEMBAGA PELAWAT PUSAT
PEMULIHAN PENAGIHAN NARKOTIK
(PUSPEN) IAITU
DATUK HJ. AZMI BIN HJ. HUSSAIN,
PENGERUSI ALP TIANG DUA

5 Mac 2024



PM MULTILINK SDN. BHD.

21 Mac 2024



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
USAHAWAN DAN KOPERASI

29 April 2024



DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA
(DBP)

30 April 2024



SYARIKAT HANDAL INDAH
SDN. BHD.

9 Mei 2024



DUTA ROMANIA,
HE MRS NINETA BARBULESCU

17 Mei 2024



PROGRAM HARI TERBUKA BERSAMA PENGURUSAN SUMBER MANUSIA MBMB



16 Januari - Majlis Perasmian Program Hari Terbuka Bersama Pengurusan Sumber Manusia MBMB telah diadakan di Dewan Taming Sari MBMB. YBhg. Datuk Hj. Shadan bin Hj. Othman, Datuk Bandar MBMB telah menyempurnakan majlis ini.

Hadir sama Tn. Ahmad Azlan bin Ahmad Salleh, Setiausaha Bandaraya MBMB, Ketua-ketua Jabatan, Pegawai-pegawai Kanan serta anggota MBMB. Antara pengisian program adalah ceramah berkaitan pengurusan cuti, tatatertib serta penyemakan rekod perkhidmatan MBMB.

Majlis Perasmian **ENVIRONMENT SENSOR STATION-15 DAN MELAKA TOUCH POINT BANDARAYA MELAKA BERSEJARAH**



12 Januari - Majlis Perasmian Environment Sensor Station-15 dan Melaka Touch Point Bandaraya Melaka Bersejarah telah diadakan di Dataran Bandaraya MBMB.

Majlis ini disempurnakan oleh YB Datuk Wira Zaidi bin Johari, Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka. Hadir sama YBhg. Datuk Hj. Shadan bin Hj. Othman, Datuk Bandar MBMB, Tn. Ahmad Azlan bin Ahmad Salleh, Setiausaha Bandaraya MBMB, rakan-rakan strategik serta warga kerja Petron yang turut bersama-sama membantu mempromosikan Sistem i-Trafik MBMB. ESS-15 dipasang di 12 DUN iaitu 14 lokasi di dalam kawasan pentadbiran MBMB bagi tujuan cerapan data kualiti udara alam sekitar.

MAJLIS PERASMIAN RECREATIONAL VEHICLE PARK

3 Januari - Majlis Perasmian *Recreational Vehicle Park* telah diadakan di Taman Bandaraya Bukit Serindit. Tapak RV ini telah dibangunkan oleh MBMB pada bulan Ogos 2023. Sebanyak 6 tapak caravan telah disediakan MBMB termasuk penyediaan *picnic table*, kaunter memasak dan *barbecue*. Majlis ini telah disempurnakan oleh YAB Datuk Seri Utama Ab Rauf bin Yusoh, Ketua Menteri Melaka bersama barisan Exco, Timbalan Exco dan Ketua Agensi Negeri Melaka.

Hadir sama YBhg. Datuk Hj. Shadan bin Hj. Othman, Datuk Bandar MBMB, Ahli-ahli Majlis, Tn. Ahmad Azlan bin Ahmad Salleh, Setiausaha Bandaraya MBMB, Ketua-Ketua jabatan serta anggota MBMB. Hadirin turut dihiburkan dengan persembahan *pocket show* Pesta Gendang Nusantara oleh 6 buah kumpulan pergendangan dari Majlis Bandaraya Petaling Jaya, Mila Art Dance (Yogyakarta), Kumpulan Selendang Perak, Sibat Dance Theatre - Padang Panjang, Tari Ambong Gile, Kabupaten Lingga Provinsi Kepulauan Lingga Provinsi Kepulauan Riau Dan Thailand.



MAJLIS PENGHARGAAN ANUGERAH ASEAN CLEAN TOURIST CITY 2024



7 Februari - Majlis Penghargaan Anugerah *ASEAN Clean Tourist City 2024* telah diadakan di Dewan Taming Sari, MBMB. Majlis ini telah disempurnakan oleh YB Datuk Rais bin Datuk Wira Yasin, EXCO Kanan Perumahan, Kerajaan Tempatan, Saliran, Perubahan Iklim dan Pengurusan Bencana.

Dalam masa yang sama juga turut diadakan Majlis Penyampaian Anugerah Pertandingan Laman Indah Melaka 2024. Senarai pemenang adalah seperti berikut:

- Pemenang bagi kategori taman perumahan adalah :
1. Taman Satu Krubong Presint Selendang
 2. Taman Paya Rumput Perdana Zon Siantan
 3. Pangsapuri Pertam Jaya

Manakala bagi kategori kampung :

1. Kg Bukit Larang
2. Kg Bukit Nibong
3. Kg Bukit Duyong

Tahniah kepada semua pemenang !!!!

Hadir sama YB Datuk Wira Zaidi bin Johari, Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka, barisan EXCO Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri Melaka, YBhg. Datuk Hj. Shadan bin Hj. Othman, Datuk Bandar MBMB, Ketua-ketua Agensi, Ketua-ketua Jabatan MBMB serta wakil-wakil agensi yang terlibat.

Majlis Perasmian

REVERSE VENDING MACHINE MBMB

7 Februari - Majlis Perasmian Reverse Vending Machine MBMB telah diadakan di Dewan Taming Sari MBMB. Majlis ini disempurnakan oleh YB Datuk Rais bin Datuk Wira Yasin, EXCO Kanan Perumahan, Kerajaan Tempatan, Saliran, Perubahan Iklim dan Pengurusan Bencana.

Ini merupakan vending machine yang pertama seumpamanya di Malaysia, di mana setiap botol plastik atau tin aluminium yang dikitar semula akan dibayar secara kredit di dalam akaun aplikasi RVM+ sebanyak maksima RM0.05 bagi setiap unit.

Istimewa untuk komuniti bandaraya dan pelancong yang datang ke Bandaraya Melaka, mereka boleh mendapatkan air mineral secara percuma melalui kitar semula di vending machine RVM.

Objektif program ini adalah bagi mengurangkan pembuangan botol plastik dan tin aluminium, menjana kitaran ekonomi melalui aktiviti kitar semula, dan juga menyediakan persekitaran bersih dan kondusif terutamanya di kawasan pelancongan di Bandaraya Melaka.

Warga bandaraya yang ingin merasai pengalaman kitar semula yang pintar dan bersih ini dijemput hadir ke Kompleks Graha Makmur MBMB sepanjang bulan Februari ini. Mesin RVM akan mula diletakkan di kawasan Bandar Hilir pada Februari 2024.



MAJLIS BACAAN YASIN DAN TAHLIL PERDANA MBMB 2024



29 Februari - Majlis Bacaan Yasin dan Tahليل Perdana 2024 telah diadakan di Dewan Taming Sari, MBMB. Majlis ini telah dihadiri oleh YBhg. Datuk Hj. Shadan bin Hj. Othman, Datuk Bandar MBMB, Clr. En Mustafa bin Mohamed Baboo, Ketua Ahli Majlis MBMB, Tn. Ahmad Azlan bin Ahmad Salleh, Setiausaha Bandaraya, Ahli-Ahli Majlis serta Ketua-ketua Jabatan MBMB.

Majlis bacaan yasin ini telah dipimpin oleh Imam Hj. Abd. Rashid bin Hj. Abdul Rahman. Turut berlangsung majlis penyampaian cenderahati kepada anggota MBMB yang menjadi imam bagi Program Solat Dhuha yang diadakan pada setiap hari Isnin bertempat di Surau MBMB.



TAKLIMAT INTEGRITI DALAM PERKHIDMATAN AWAM

29 Mac - Telah berlangsung Taklimat Integriti dalam Perkhidmatan Awam sempena Ramadan 1445H di Dewan Taming Sari, MBMB. Majlis ini telah dihadiri oleh YBhg. Datuk Hj. Shadan bin Hj. Othman, Datuk Bandar MBMB. Hadir sama, Ctr. En. Mustafa bin Mohamed Baboo, Ketua Ahli Majlis MBMB, Tn. Mohd Sufian bin Mohd Khalid, Ketua Penolong Kanan Penguasa SPRM Malaysia Melaka, Tn. Khaled bin Abd Mobin, Penolong Penguasa SPRM Malaysia Melaka, En. Sha'rin bin Sahat, Ketua Unit Integriti MBMB, Ahli-ahli Majlis, Ketua-ketua Jabatan serta anggota MBMB .

Taklimat yang disampaikan oleh Tn. Mohd Firdaus bin Ramlan diharapkan dapat memberi pengajaran kepada semua anggota serta sentiasa membudayakan amalan integriti dalam kehidupan seharian terutama dalam pekerjaan. Susulan itu juga ceramah integriti diteruskan pada 2 April 2024, yang disampaikan oleh Tn. Muhammad Aiman Lingen bin Abdullah, Penguasa SPRM Negeri Melaka yang bertajuk Tolak Rasuah Dalam Budaya Kerja MBMB. Manakala pada 3 April pula taklimat disampaikan oleh Tuan Insp. Burhanudin Helmi bin Mohd Nasir, Pegawai Penjara Sungai Udang, Melaka yang bertajuk Penggunaan Barangan Larangan dan Pencegahannya.



PROGRAM SUARA AMANI FIESTA & LOVE



30 Jun - Program Suara Amani Muzik Fiesta & Love telah diadakan di perkarangan Bangunan Stadthuys, Banda Hilir. Program yang menghimpunkan lebih daripada 100 kumpulan ini berlangsung dengan cukup meriah.

YAB Datuk Seri Utama Ab Rauf bin Yusoh, Ketua Menteri Melaka turut hadir memeriahkan program ini dan turut beramah mesra bersama orang ramai. Hadir sama, YB Tuan Allex Seah Soo Chin, EXCO Pembangunan Usahawan, Koperasi dan Hal Ehwal Pengguna, YB Puan Leng Chau Yen, Timbalan EXCO Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti, YBhg. Datuk Hj. Shadan bin Hj. Othman, Datuk Bandar MBMB serta Ahli-ahli Majlis MBMB.

Program Suara Amani turut mempersembahkan pancaragam daripada Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan menampilkan Kombo MBMB.

IFTAR SANTAI BERSAMA KELUARGA @ DATARAN BANDARAYA MBMB



6 April - Iftar Santai Bersama Keluarga @ Dataran Bandaraya MBMB diserikan dengan kehadiran YAB Datuk Seri Utama Ab Rauf bin Yusoh, Ketua Menteri Melaka. Yang hadir sama, YB Datuk Wira Ibrahim Durum, Speaker Dewan Undangan Negeri Melaka; YB Datuk Rais Yasin, EXCO Kanan Perumahan, Kerajaan Tempatan, Saliran, Perubahan Iklim dan Pengurusan Bencana;

YB Datuk Wira Abdul Razak Abdul Rahman, EXCO Pelancongan, Warisan, Seni dan Budaya; YB Tuan Alex Seah Shoo Chin, EXCO Pembangunan Usahawan, Koperasi dan Hal Ehwal Pengguna; dan Datuk Shadan Othman, Datuk Bandar MBMB.

Orang ramai kelihatan iftar bersama keluarga serta sahabat handai masing-masing. Turut diadakan penyampaian sumbangan Aidilfitri kepada asnaf dan muallaf daripada YAB Ketua Menteri Melaka. YBhg. Datuk Bandar turut memberi duit raya dan bunga api kepada anak-anak yang hadir iftar pada majlis tersebut.

DATUK BANDAR MENYANTUNI ORANG AWAM DI KAUNTER MBMB

15 April - Sempena Ulang Tahun Ke-21 Bandaraya Melaka Bersejarah, YBhg. Datuk Hj. Shadan bin Hj. Othman, Datuk Bandar MBMB menyantuni orang awam yang berurusan di kaunter Jabatan Kewangan dan Jabatan Pelesenan dan Pembangunan Perniagaan MBMB.

Beliau juga turut menyampaikan cenderamata sebagai tanda penghargaan MBMB kepada warga bandaraya Melaka. Turut diadakan persembahan Flash Mob daripada Badan Kesenian dan Kebudayaan, MBMB.

Selamat menyambut Ulang Tahun ke-21 Bandaraya Melaka Bersejarah!



Majlis Riang Ria Aidilfitri

MBMB 2024

24 April - Majlis Riang Ria Aidilfitri Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah 2024 telah diadakan di Dewan Taming Sari, MBMB.

Majlis ini diserikan dengan kehadiran YB Datuk Rais bin Datuk Wira Yasin, EXCO Kanan Perumahan, Kerajaan Tempatan, Saliran, Perubahan Iklim dan Pengurusan Bencana bersama isteri serta timbalan EXCOnya, YB Datuk Zulkiflee bin Datuk Seri Mohd Zin serta YB Datuk Salhah bin Salleh, Pegawai Kewangan Negeri. Hadir sama selaku tuan rumah, YBhg. Datuk Hj. Shadan bin Hj. Othman, Datuk Bandar MBMB, Ahli-ahli Majlis, Tn. Ahmad Azlan bin Ahmad Salleh, Setiausaha Bandaraya MBMB, Ketua-ketua Jabatan dan Unit serta anggota MBMB.

Pelbagai stall makanan disediakan dengan pelbagai menu untuk dijamu kepada semua yang hadir pada majlis tersebut. Selamat Hari Raya Aidilfitri diucapkan kepada seluruh warga kerja MBMB.



MAJLIS KESYUKURAN DAN BACAAN YASIN PERDANA SEMPENA SAMBUTAN ULANGTAHUN KE-21 BANDARAYA MELAKA BERSEJARAH



9 Mei - Majlis Kesyukuran dan Bacaan Yasin Perdana sempena Sambutan Ulangtahun ke-21 Bandaraya Melaka Bersejarah telah diadakan di Masjid Tun Mohd Khalid Yaakob, Tanjung Minyak. Majlis ini diserikan dengan kehadiran Tuan Yang Terutama Tun Seri Setia Dr. Mohd Ali bin Mohd Rustam, Yang Di-Pertua Negeri Melaka. Hadir mewakili YAB Ketua Menteri Melaka, YB Datuk Rais bin Datuk Wira Yasin, EXCO Kanan Perumahan, Kerajaan

Tempatan, Saliran, Perubahan Iklim dan Pengurusan Bencana. Hadir sama YB Datuk Rahmad bin Mariman, EXCO Pendidikan, Pengajian Tinggi dan Hal Ehwal Agama, Sahibus Samahah Datuk Wira Haji Abdul Halim bin Tawil, YBhg. Datuk Hj. Shadan bin Hj. Othman Datuk Bandar MBMB, Tn. Ahmad Azlan bin Ahmad Salleh, Setiausaha Bandaraya MBMB, Ahli-Ahli Majlis, Ketua-Ketua Jabatan MBMB, anggota MBMB serta penduduk sekitar.

Turut diadakan majlis penyampaian mock cheque bagi 4 madrasah tahfiz iaitu Madrasah Rabbaniyyah Al-Ikhlash, Darul Ulum Al Arrabiyyah Al Islamiah, Pusat Tahfiz Al Quran & Al Hadis dan Madrasah Tahfiz Al Quran Wal Qiraat Telok Mas serta sumbangan kepada Sekolah Rendah Agama JAIM Tanjung Minyak 2 dan Masjid Tun Mohd Khalil Taakob, Tanjung Minyak. Semoga seluruh warga Bandaraya Melaka diberikan kesejahteraan dan sentiasa dalam perlindunganNya.

KICK-OFF PENGUKURAN BANDAR MAMPAN (MURNINETS)

20 Mei - Kick-off Pengukuran Bandar Mampan (MurniNets) Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah 2024 telah diadakan di Hotel Casa Del Rio, Melaka.

Majlis ini telah disempurnakan oleh YBhg. Datuk Hj. Shadan bin Hj. Othman, Datuk Bandar MBMB. Turut hadir sama Pengarah PLANMalaysia Melaka, YBr. TPr. Abdulhan bin Abd Lamit, Tn. Ahmad Azlan bin Ahmad Salleh, Setiausaha Bandaraya MBMB, Ketua-Ketua Jabatan MBMB serta wakil-wakil agensi rakan strategik dan kolaborasi yang terdiri daripada agensi kerajaan persekutuan dan negeri antaranya TNB, SKMM, SAMB serta lain-lain dan jabatan dalam MBMB.

Pengukuran MurniNets adalah amat penting dan merupakan satu platform mengukur tahap kemampuan sesebuah PBT. Selain itu, pengukuran MurniNets ini juga akan mengenal pasti keseluruhan pencapaian SDG di peringkat kerajaan tempatan.



PROGRAM SAMBUTAN HARI KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN PERINGKAT MBMB 2024



21 Mei - Program Sambutan Hari Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan Peringkat MBMB 2024 telah diadakan di Dewan Taming Sari MBMB yang bertemakan Perubahan Iklim Kepada Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan.

Pelbagai program telah diatur. Antaranya pemeriksaan dan saringan kesihatan, pameran keselamatan dan Kesihatan, saringan kanser, kempen derma darah dan perkhidmatan JPJ mobile. Pertandingan Ubah Lirik Lagu Popular dan Video Tiktok turut diadakan secara

atas talian dan para pemenang turut di raikan pada majlis ini.

Satu ceramah Kesihatan bertajuk Kesejahteraan Kesihatan Mental di Tempat Kerja telah disampaikan oleh influencer yang tidak asing lagi iaitu Dr. Malar Santhi Santherasegapan.

Majlis ini juga telah dirasmikan oleh YBhg. Datuk Hj. Shadan bin Hj. Othman, Datuk Bandar MBMB. Hadir sama adalah Clr. Mustafa bin Mohamed Baboo,

Ketua Ahli Majlis MBMB, Ahli-ahli Majlis MBMB, Tn. Ahmad Azlan bin Ahmad Salleh, Setiausaha Bandaraya MBMB, Ketua-ketua Jabatan dan Unit MBMB, wakil-wakil kontraktor, wakil-wakil PBT dan rakan strategik MBMB.

Jom kita bersama-sama menuju budaya kerja selamat dan sihat di tempat kerja.

KARNIVAL ICT & INOVASI MBMB 2024

22 Jun - Karnival ICT dan Inovasi MBMB 2024 telah diadakan di Merorial Pengisytiharan Kemerdekaan, Banda Hilir, Melaka, mulai jam 8.00 pagi dan dipenuhi dengan pelbagai pengisian program dan pertandingan yang cukup menarik. Antaranya lelongan gadget ICT, pertandingan MBMB-UTEM Robochallenge, MBMB ICT Hunt Challenge, Push Bike, Pertunjukan drone, wayang pacak, pameran robotik serta cabutan bertuah.

Majlis perasmian juga telah diadakan pada sebelah malamnya dan disempurnakan oleh YB Datuk Zulkiflee bin Datuk Seri Mohd Zin, Timbalan EXCO Perumahan, Kerajaan Tempatan, Saliran, Perubahan Iklim dan Pengurusan Bencana Negeri Melaka.

Gimmick perasmian bagi Empayar: The Melaka Chronicles, permainan Silat Game yang pertama di Malaysia berlatarbelakangkan Kesultanan Melaka juga telah diadakan pada majlis ini. Semua rakan strategik yang menyumbang pada program ini turut menerima sijil penghargaan daripada MBMB. Terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan program ini!



MAJLIS KESYUKURAN DAN BACAAN YASIN PERDANA SEMPENA SAMBUTAN ULANGTAHUN KE-21 BANDARAYA MELAKA BERSEJARAH



9 Mei - Majlis Kesyukuran dan Bacaan Yasin Perdana sempena Sambutan Ulangtahun ke-21 Bandaraya Melaka Bersejarah telah diadakan di Masjid Tun Mohd Khalid Yaakob, Tanjung Minyak. Majlis ini diserikan dengan kehadiran Tuan Yang Terutama Tun Seri Setia Dr. Mohd Ali bin Mohd Rustam, Yang Di-Pertua Negeri Melaka. Hadir mewakili YAB Ketua Menteri Melaka, YB Datuk Rais bin Datuk Wira Yasin, EXCO Kanan Perumahan, Kerajaan

Tempatan, Saliran, Perubahan Iklim dan Pengurusan Bencana. Hadir sama YB Datuk Rahmad bin Mariman, EXCO Pendidikan, Pengajian Tinggi dan Hal Ehwal Agama, Sahibus Samahah Datuk Wira Haji Abdul Halim bin Tawil, YBhg. Datuk Hj. Shadan bin Hj. Othman Datuk Bandar MBMB, Tn. Ahmad Azlan bin Ahmad Salleh, Setiausaha Bandaraya MBMB, Ahli-Ahli Majlis, Ketua-Ketua Jabatan MBMB, anggota MBMB serta penduduk sekitar.

Turut diadakan majlis penyampaian mock cheque bagi 4 madrasah tahfiz iaitu Madrasah Rabbaniyyah Al-Ikhlash, Darul Ulum Al Arrabiyyah Al Islamiah, Pusat Tahfiz Al Quran & Al Hadis dan Madrasah Tahfiz Al Quran Wal Qiraat Telok Mas serta sumbangan kepada Sekolah Rendah Agama JAIM Tanjung Minyak 2 dan Masjid Tun Mohd Khalil Taakob, Tanjung Minyak. Semoga seluruh warga Bandaraya Melaka diberikan kesejahteraan dan sentiasa dalam perlindunganNya.

TAKLIMAT PENGANJURAN BAZAR RAMADAN DAN BAZAR AIDILFITRI NEGERI MELAKA TAHUN 2024



4 Mac - Program Taklimat Penganjuran Bazar Ramadan dan Bazar Aidilfitri Negeri Melaka Tahun 2024 anjuran Unit Kerajaan Tempatan, Jabatan Ketua Menteri Melaka telah diadakan di Dewan Taming Sari, MBMB.

Sesi taklimat telah disampaikan oleh

Puan Nurul Hafizah binti Ngatman; KPDN Melaka, Puan Michelle Yeo; Pegawai Eksekutif PERKESO Melaka; En. Rosdi bin Md Zin; Pegawai Farmasi, Jabatan Kesihatan Negeri Melaka dan Encik Mahathir bin Mustafa; Unit Kerajaan Tempatan, Jabatan Ketua Menteri Melaka.

Sebanyak 62 buah Bazar Ramadan dan Bazar Aidilfitri yang terdiri di dalam kawasan MBMB, MPAG, MPJ dan MPHTJ bersama penganjur dan 5 orang wakil peniaga bagi setiap bazar. Terdapat juga pameran-pameran dari agensi berkaitan antaranya ialah KPDNKS, PERKESO dan AGRO BANK.



PROGRAM JOM KE SEKOLAH 2024



9 Mac - Program Jom Ke Sekolah Tahun 2024 anjuran Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah telah diadakan di Dewan Taming Sari, MBMB.

Program tanggungjawab sosial korporat atau CSR ini dirasmikan oleh YB Datuk Rais bin Datuk Wira Yasin, EXCO Kanan Perumahan, Kerajaan Tempatan, Saliran, Perubahan Iklim dan Pengurusan Bencana .

Hadir sama YBhg. Datuk Hj. Shadan bin Hj. Othman, Datuk Bandar MBMB, Clr. Mustafa bin Mohamed Baboo, Ketua Ahli Majlis MBMB, Clr. Zamani bin Md. Isa, Timbalan Ketua Ahli Majlis, Datuk Gary Choo Kok Sen, Pengurus Besar Mamee, Ahli-ahli Majlis, Tn. Ahmad Azlan bin Ahmad Salleh, Setiausaha Bandaraya, serta Ketua-ketua Jabatan MBMB.

Sebanyak 100 orang anak-anak yang terdiri daripada sekolah rendah dan menengah setiap wakil DUN telah menerima sumbangan berupa wang tunai bagi bantuan persekolahan. Mereka turut menerima goodies berupa makanan produk Mamee .

SAMBUTAN HARI WANITA 2024



9 Mac - Sambutan Hari Wanita telah dijayakan dengan kerjasama Pejabat Pembangunan Wanita Negeri Melaka, Oriental Melaka Straits Medical Center, Mahkota Medical Center dan Pantai Hospital Ayer Keroh di sekitar kawasan warisan Banda Hilir. Program ini bertujuan memberi penghargaan kepada kaum wanita di atas kejayaan serta pengorbanan yang diberikan di dalam pelbagai bidang.

Pemeriksaan kesihatan oleh para sukarelawan St John Malaysia serta pendaftaran skuad sukarelawan WAJA juga telah dibuka kepada orang ramai bertempat di Klinik Mobile MBMB, Jalan Laksamana.

Sebanyak 300 goodie bag telah diedarkan oleh YBhg. Datuk Hj. Shadan bin Hj. Othman, Datuk Bandar MBMB kepada orang ramai, berisi oximeter, digital thermometer, beg guna semula serta lain-lain lagi. Hadir sama Tn. Ahmad Azlan bin Ahmad Salleh, Setiausaha Bandaraya MBMB.

Program ini juga mencapai Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) bagi sasaran (3) *Good Health and Wellbeing*, (5) *Gender Equality*, (11) *Sustainable Cities and Communities* dan (17) *Partnership for the goals*.





Pesta Gendang NUSANTARA 2024

7 Januari - Pesta Gendang Nusantara 2024 telah melabuhkan tirainya. Program gilang gemilang ini menyaksikan penglibatan sebanyak 31 kumpulan dari dalam Malaysia, Nusantara dan Antarabangsa di mana setiap kumpulan menampilkan skil pergendangan masing-masing.



Majlis ini telah dirasmikan oleh TYT Tun Seri Setia Dr. Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam, Yang di-Pertua Negeri Melaka. Hadir sama YABhg. Toh Puan Datuk Wira Hj. Asmah binti Ab Rahman, isteri Yang di-Pertua Negeri Melaka, YAB Datuk Seri Utama Ab Rauf bin Yusoh, Ketua Menteri Melaka bersama isteri, barisan Dif-Dif kehormat, YBhg. Datuk Hj. Shadan bin Hj. Othman, Datuk Bandar MBMB selaku tuan rumah.

Gimik Perasmian merupakan hologram memaparkan Al Jufferi Jamari, Jaguh Pesilat Dunia yang menunjukkan pergerakan seni pergendangan dari satu negara ke satu negara hingga ke negeri Melaka dan pemukul gendang diserahkan kepada TYT Tun Seri Setia diikuti pukulan sebanyak 3 kali sebagai tanda tirai majlis dibuka. Hadirin yang hadir membanjiri Dataran Bandaraya MBMB dianggarkan seramai 15,000 orang.

Serentak, Seirama, Senada, Sebudaya.



PROGRAM-PROGRAM MBMB



Pesta
gendang
Nusantara
2024

PROGRAM JALINAN KASIH JABATAN PENGUATKUASAAN MBMB BERSAMA PENDUDUK BATANG TIGA

11 Mac - Telah berlangsung Program Jalinan Kasih Jabatan Penguatkuasaan bersama Masyarakat Batang Tiga di Tanah Wakaf Batang Tiga.

Program gotong-royong pembersihan kawasan Tanah Perkuburan Islam ini adalah salah satu program amal jariah menjelang bulan Ramadan yang bakal tiba.

Hadir sama Clr. Mustafa bin Mohamed Baboo, Ketua Ahli Majlis MBMB bersama-sama Anggota Jabatan Penguatkuasaan MBMB.



PROGRAM CAHAYA KASIH MBMB DAN MEDIA PRIMA



31 Mac - Program Cahaya Kasih serta Program Ramah Mesra dan Pemberian Sumbangan Raya telah diadakan di Rumah Seri Kenangan Cheng.

Program anjuran bersama Media Prima ini merupakan salah satu program tanggungjawab sosial korporat kepada komuniti setempat. Turut berlangsung juga aktiviti gotong royong dan santai sukan rakyat bersama penghuni.

YBhg. Datuk Hj. Shadan bin Hj. Othman,

Datuk Bandar MBMB hadir menyampaikan sumbangan kepada semua penghuni Rumah Seri Kenangan Cheng.

Hadir sama Clr. En. Zamani bin Md Isa, Timbalan Ketua Ahli Majlis, Ahli Majlis MBMB, Ketua-Ketua Jabatan MBMB, Pegawai-pegawai kanan dan anggota MBMB. Terima kasih kepada semua! Semoga semua penghuni diberikan kesihatan yang baik sentiasa. Terima kasih Media Prima dan Pengurusan

Rumah Seri Kenangan, Cheng.

Hadir sama Clr. En. Zamani bin Md Isa, Timbalan Ketua Ahli Majlis, Ahli Majlis MBMB, Ketua-Ketua Jabatan MBMB, Pegawai-pegawai kanan dan anggota MBMB.

Terima kasih kepada semua! Semoga semua penghuni diberikan kesihatan yang baik sentiasa. Terima kasih Media Prima dan Pengurusan Rumah Seri Kenangan, Cheng.

EDARAN AIR BALANG DAN BUBUR MANIS SECARA PERCUMA SEMPERA RAMADAN AL-MUBARAK



18 Mac - Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah telah mengedarkan air balang dan bubur manis secara percuma sempena bulan Ramadan ini kepada orang ramai mulai 18 Mac hingga 5 April 2024.



YBhg. Datuk Hj. Shadan bin Hj. Othman, Datuk Bandar MBMB bersama Tn. Ahmad Azlan bin Ahmad Salleh, Setiausaha Bandaraya turut meluangkan masa mengedarkan air balang dan bubur manis secara percuma kepada orang ramai di Dataran Bandaraya, MBMB.

PROGRAM RIUH BAZAR SINAR HARIAN & PETRON GASUL DI BAZAR RAMADAN PERINGGIT

23 Mac - Telah berlangsung Program Riuh Bazar Sinar Harian & Petron Gasul di Bazar Ramadan Peringgit. Program ini telah dihadiri oleh YBhg. Datuk Hj. Shadan bin Hj. Othman, Datuk Bandar MBMB. Hadir sama En. Khairul Anam bin Moktar, Pengarah Kesihatan Persekitaran MBMB, En. Hairol Fadley, Pengurus Pemasaran Sinar Harian, En. Mohd Asri bin Ibrahim, Ketua Pemasaran Komersial Petron Malaysia dan En. Danny Chen, Pengurus Pemasaran Petron Malaysia .

Edaran bubur lambuk dan air balang kepada orang ramai turut diadakan bersempena program ini.



PROGRAM CPR AWARENESS

5 Mei - Telah berlangsung Program CPR Awareness anjuran St John Ambulans Malaysia dan Paramedik Komuniti di sekitar perkarangan Bangunan Stadthuys. Program ini disertai oleh pasukan medik First Aid Station Banda Hilir serta dihadiri oleh YBhg. Datuk Hj. Shadan bin Hj. Othman, Datuk Bandar MBMB.

Program ini amat baik bagi memberi pendedahan memberikan rawatan kecemasan kepada orang ramai.



GOTONG ROYONG BERSAMA PENYEWA GERAI MBMB DI MEDAN SELERA KAWASAN PERINDUSTRIAN BUKIT RAMBAI

10 Mei - Gotong royong bersama penyewa gerai MBMB di Medan Selera Kawasan Perindustrian Bukit Rambai telah dijalankan bersama pihak SW Corp dan SWM dan anggota Jabatan Pelesenan dan Pembangunan Perniagaan MBMB serta Jabatan Landskap dan Pengindahan Bandaraya MBMB.

Program ini turut melibatkan semua penyewa serta peniaga di medan selera tersebut. Objektif gotong royong ini adalah bagi memastikan persekitaran premis sentiasa bersih dan mengenal pasti sebarang permasalahan di gerai bagi tujuan penambahbaikan berterusan.



PROGRAM PLEDGE AND PLANT A TREE

18 Mei - Program Pledge and Plant A Tree telah dijalankan di Taman 1 Krubong, Krubong. Program ini telah dirasmikan oleh YB Datuk Rais bin Datuk Wira Yasin, EXCO Kanan Perumahan, Kerajaan Tempatan, Saliran, Perubahan Iklim dan Pengurusan Bencana.

Hadir sama, YBhg. Datuk Hj. Shadan bin Hj. Othman, Datuk Bandar MBMB, TPr. Hjh. Mazrina bin Dato' Abdul Khalid,

Bendahari Kehormat MIP, Ahli-ahli Majlis, Tn. Ahmad Azlan bin Ahmad Salleh, Setiausaha Bandaraya dan Ketua-Ketua Jabatan serta anggota MBMB.

Program ini merupakan anjuran MBMB dan Pertubuhan Perancang Malaysia (MIP). Program PAPAT ini turut ditaja oleh 7 penaja yang bermurah hati iaitu KEB Properties Sdn Bhd dan Teladan

Setia bagi Tajaan Gold manakala bagi Tajaan Bronze telah ditaja oleh Teobros Development, Urban SCALE Studio Sdn Bhd, RHB bank, Ikhtisas Planner, Home Spectrum, Anjuran Lagenda dan Paduwan Realty.

Semoga usaha memelihara alam sekitar dengan menanam pokok ini dapat mengurangkan peratusan pelepasan karbon.



LAWATAN TAPAK DAN SESI TAKLIMAT PENGOPERASIAN SERTA PENYELENGGARAAN TAPAK PELUPUSAN SANITARI DI SUNGAI UDANG

9 Mei - Telah berlangsung satu lawatan tapak dan sesi taklimat pengoperasian serta penyelenggaraan tapak pelupusan sanitari di Sungai Udang. Lawatan diketuai oleh YB Datuk Rais bin Datuk Wira Yasin, EXCO Kanan Perumahan, Kerajaan Tempatan, Saliran, Perubahan Iklim dan Pengurusan Bencana. Hadir sama YBhg. Datuk Hj. Shadan bin Hj. Othman, Datuk Bandar MBMB, Tn. Ahmad Azlan bin Ahmad Salleh, Setiausaha Bandaraya MBMB bersama YDP MPAG TPr. Saifuddin bin Abd Karim, wakil SW Corp, MPHTJ, MPJ serta Pegawai-pegawai Kanan.



SESI PENDENGARAN AWAM LIBAT URUS DAN PEMBENTANGAN KERJA MENAIKTARAF PARIT MONSUN DI TAMAN DESA DUYONG



24 Mei - Program Sesi Pendengaran Awam Libat Urus dan Pembentangan Kerja Menaiktaraf Parit Monsun di Taman Desa Duyong telah diadakan di Dewan Terbuka, Taman Desa Duyong. Hadir sama YB Datuk Mohd Noor Helmy bin Abdul Halem, Timbalan EXCO Sains, Teknologi, Inovasi dan Komunikasi Digital merangkap ADUN Duyong, Clr. Zamani bin Md. Isa, Timbalan Ketua Ahli Majlis MBMB, Clr. Abd Razak bin Abu, Ahli Majlis Kawasan Duyong, wakil-wakil agensi teknikal, wakil O&L engineering, Ketua-ketua Jabatan MBMB serta pegawai-pegawai Kanan. Sesi libat urus ini adalah lebih kepada memberi pemahaman kepada penduduk setempat berkaitan kerja-kerja naiktaraf parit monsun yang sedang dijalankan di kawasan tersebut terutama bagi mengelakkan kejadian banjir kilat berlaku.



PROGRAM TEH TARIK SANTAI BERSAMA YBHG. DATUK BANDAR

1 Jun - Program Teh Tarik Santai Bersama YBhg. Datuk Bandar Datuk Hj. Shadan bin Hj. Othman telah diadakan di Memorial Pengisytiharan Kemerdekaan dan Medan Samudera. Program ini melibatkan Kelab Perodua Axia, HRV-Club dan Mitsubishi Xpander. Program Ops Bebas Litter Picking turut diadakan di sekitar kawasan tersebut. Program sebegini dapat mengeratkan hubungan antara ahli kelab dan menjadi medan bertukar-tukar pendapat. Hadir sama, Tn. Ahmad Azlan bin Ahmad Salleh, Setiausaha Bandaraya MBMB, Ketua-Ketua jabatan serta ahli-ahli kelab kereta yang terlibat.



PROGRAM TEAM BUILDING DAN KHIDMAT 'ECO GREEN' PENSYARAH KOLEJ MATRIKULASI NEGERI SEMBILAN



24 Mei - Program *Team Building* dan Khidmat 'Eco Green' Pensyarah Kolej Matrikulasi Negeri Sembilan (KMNS) telah diadakan di Pulau Besar, Melaka. Program tanggungjawab sosial korporat atau CSR ini bertujuan menjaga kebersihan dan keindahan pulau serta alam sekitar. Turut diadakan aktiviti penanaman pokok oleh pensyarah KMNS bersama-sama anggota Jabatan Landskap dan Pengindahan Bandaraya MBMB. Delegasi KMNS diketuai oleh En. Norazaman bin Samid. Semoga lebih banyak program CSR sebegini dapat dilaksanakan bagi memelihara dan memulihara alam sekitar. Terima kasih KMNS!

SEMINAR PEMBUDAYAAN DAN PEMERKASAAN KEUSAHAWANAN PENJAJA DAN PENIAGA KECIL TAHUN 2024

28 Mei - Majlis Perasmian Seminar Pembudayaan Dan Pemerksaan Keusahawanan Penjaja Dan Peniaga Kecil Tahun 2024 telah diadakan di Dewan Taming Sari, MBMB. Majlis ini telah disempurnakan oleh YBhg. Datuk Hj. Shadan bin Hj. Othman, Datuk Bandar MBMB. Hadir sama Tn. Zamrud bin Yahya, Timbalan Setiausaha Bahagian Seksyen Penjaja Dan Peniaga Kecil, Kementerian Pembangunan Usahawan Dan Kooperasi (KUSKOP) dan En. Redhuan bin Muda@Mohad Yatim, Timbalan Pengarah Negeri Pejabat PERKESO Melaka. Seminar ini bertujuan memberi pendedahan kepada peniaga dan usahawan kecil berkenaan pengurusan kewangan dan perlindungan PERKESO.



PROGRAM GELAR MELAYU SERUMPUN TAHUN 2024



29 Mei - Program Gelar Melayu Serumpun tahun 2024 diadakan bertempat di Istana Maimun Medan, Indonesia bermula 29 Mei hingga 1 Jun 2024. Badan Kebudayaan dan Kesenian MBMB merupakan antara peserta yang dijemput sempena program yang telah masuk tahun ke-7 pada tahun ini. Seramai 15 delegasi yang turut serta dalam program ini termasuk seorang koreografer. Program ini turut disertai 30 buah kumpulan dari 5 buah negara iaitu Indonesia, Malaysia, Singapura, Thailand dan India.

BANTUAN AWAL UNIT FRONT KEPADA MANGSA KEMALANGAN

14 Januari - Anggota Unit F.RON.T MBMB bersama Angkatan Pertahanan Awam memberi bantuan awal kepada orang awam yang terlibat kemalangan jalan raya di Persimpangan Melaka Sentral. Serta anggota unit F.RON.T turut membuat kawalan lalu lintas di Jalan Banda Kaba serta membantu 2 kenderaan yang mengalami kemalangan jalan raya di kawasan tersebut .



BANTUAN AWAL UNIT FRONT AKIBAT POKOK TUMBANG



14 April - Berikutan keadaan cuaca hujan lebat beserta angin kuat, MBMB menerima beberapa aduan berkaitan halangan awam akibat daripada dahan sekah dan pokok tumbang di sekitar kawasan berikut :


1. Lebuh AMJ Bachang
2. Jalan Kandang
3. Taman Tambak Paya Permai
4. Kampung Lanjut Manis

Jutaan terima kasih kepada pasukan PDRM, APM, BOMBA serta orang awam yang turut membantu di lapangan. Turut hadir Y.Bhg. Datuk Hj. Shadan bin Hj. Othman, Datuk Bandar MBMB, Ahli Majlis kawasan, pemimpin masyarakat setempat bersama Unit FRONT MBMB di beberapa lokasi kejadian tersebut.

UNIT TRAFIK MBMB BANTU LALULINTAS

25 Jun - Semasa rondaan pegawai yang melalui kawasan di Jambatan Dato' Seri Mohd Zain, berhampiran The Shore didapati sebuah lori telah mengalami kemalangan dan jatuh terbalik dipercayai disebabkan tidak melepasi paras ketinggian landasan monorail di jambatan tersebut.

Pasukan Unit Trafik MBMB yang bertugas telah segera ke lokasi bagi membantu mengawal lalulintas sehingga selesai. Terima kasih juga kepada orang awam yang turut membantu.



SANTUNI KASIH SEMPENA TAHUN BARU CINA

5 Februari - YBhg. Datuk Bandar, Datuk Hj. Shadan bin Hj. Othman, serta Ketua-ketua Jabatan dan Pegawai-pegawai Kanan MBMB turut sama menyantuni pesara-pesara MBMB sempena Program Santuni Kasih Pesara bagi Perayaan Tahun Baru Cina 2024.

Semoga semuanya diberikan kesihatan yang baik dan meraikan Tahun Baru Cina dengan meriah dan harmoni.



ZIARAH KASIH SEMPENA AIDILFITRI



30 Mac - Program Ziarah Kasih MBMB Sempena Hari Raya Aidilfitri 2024 telah diadakan kepada rumah bekas pesara anggota MBMB. Hadir sama menyampaikan sumbangan YBhg. Datuk Hj. Shadan bin Hj. Othman, Datuk Bandar MBMB, Ketua-ketua Jabatan serta Pegawai-pegawai Kanan. Semoga sedikit sumbangan yang diberikan dapat memberikan keceriaan dan kegembiraan kepada semua. Semoga diberikan kesihatan yang baik .

MAJLIS KESYUKURAN DAN DOA SELAMAT MERAIKAN DUYUFURRAHMAN MBMB



7 Mei - Majlis Kesyukuran dan Doa Selamat Meraikan Duyufurrahman MBMB telah diadakan di Auditorium MBMB. Seramai 5 orang anggota MBMB telah terpilih menunaikan ibadah haji pada tahun ini.

Hadir meraikan bakal jemaah haji YBhg. Datuk Hj. Shadan bin Hj. Othman, Datuk Bandar MBMB, Tn. Ahmad Azlan bin Ahmad Salleh, Setiausaha Bandaraya MBMB, ketua-ketua jabatan serta pegawai-pegawai Kanan MBMB. Semoga semua bakal jemaah dapat mengerjakan ibadah haji dengan sempurna dan mendapat haji Mabruk.

Ziarah Kasih

YBHG. DATUK BANDAR MBMB



1

EN. MOHD WAFIY BIN ABDUL MALEK
Jabatan Kewangan MBMB



2

EN. MASMAWI BIN HJ. IBRAHIM
Jabatan Infrastruktur Komuniti & Logistik




3

EN. MOHD ADLI BIN MOHD YUSUF
Jabatan Infrastruktur Komuniti & Logistik



4

EN. NURADZLIN BIN ANUAR
Penasihat Undang-undang



5

CLR. EN. MOHD FAIZAL BIN MOHAMAD ZALI
Ahli Majlis Dun Pantai Kundo



6

EN. MOHD NOR AL MUSTAKIM BIN MOHD SANI
Jabatan Landskap dan Pengindahan Bandaraya MBMB

TAKLIMAT PENGGUNAAN MESIN 'STUMP CUTTER'



22 Januari - Satu Taklimat Penggunaan Mesin 'Stump Cutter - Vermeer' oleh syarikat Bumi Jaya Trading Sdn Bhd telah diadakan di Graha Makmur, MBMB. Tujuan taklimat ini adalah bagi demonstrasi penggunaan jentera tersebut di dalam kawasan pejabat MBMB. Taklimat dan demonstrasi ini diketuai oleh Tn. Haji Moahzam bin Asari, Pengarah Landskap dan Pengindahan Bandaraya, MBMB. Turut hadir wakil daripada Jabatan Landskap MPHTJ, MPAG, MPJ dan juga anggota-anggota kumpulan cantasan MBMB.

SITE TESTING ASSESSMENT



15 Januari - Sesi Site Testing Assessment yang telah diadakan di Auditorium MBMB pada hari ini melibatkan seramai 30 orang, terdiri daripada wakil Malaysian Industry-Government Group for High Technology (MiGHT), Suruhanjaya Tenaga (ST), TNB Research (TNBR), TNB Distribution Network (TNB DN), Project Advisory Committee (PAC) serta anggota teknikal dari Jabatan Perancangan Bandar, Jabatan Kejuruteraan, Jabatan

Teknologi Maklumat serta Jabatan Penguatkuasaan MBMB.

Sesi ini merupakan penilaian bagi Smart Grid Demonstration Project, iaitu projek di bawah inisiatif Global Environmental Facility 6 (GEF 6), Sustainable City Development melalui usahasama United Nation Industrial Development Organisation (UNIDO) dengan MiGHT, Kerajaan Negeri Melaka dan Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah.

Projek berimpak tinggi yang telah bermula sejak tahun 2020 ini bertepatan dengan inisiatif *Smart and Low Carbon City* MBMB 2035. Projek ini melibatkan pemasangan 30kW Solar pv Rooftop dan Green Energy EV Battery Charging Station setiap satunya di bangunan Graha Makmur dan Dewan Bola Keranjang Bukit Serindit, serta 6 buah Virtual Energy Management System bagi bangunan milik MBMB.

KURSUS PENYELENGGARAAN JAMBATAN



22 hingga 24 Januari - Kursus Penyelenggaraan Jambatan bagi anggota MBMB telah di Grand Swiss-Belhotel Melaka. Kursus ini melibatkan 38 orang peserta termasuk urusetia dan penceramah. Kursus ini adalah bagi memberi pendedahan dan kompetensi kepada anggota teknikal berkaitan pengurusan dan penyelenggaraan jambatan di dalam kawasan pentadbiran MBMB.

KURSUS TUNGGAKAN CUKAI TAKSIRAN

23 Februari - Kursus Pengurusan Tunggakan Cukai Taksiran untuk anggota MBMB telah di Grand Swiss Belhotel, Melaka pada 22 dan 23 Februari 2024. Kursus ini bertujuan memberi pendedahan tentang permasalahan tunggakan cukai taksiran di PBT serta strategi perundangan sebagaimana akta dalam menangani pengurusan tunggakan cukai taksiran. Majlis Penutup Kursus telah disempurnakan oleh Clr. Zamani bin Md Isa, Timbalan Ketua Ahli Majlis serta sesi penyampaian sijil kepada peserta kursus yang terlibat.



BENGKEL REFRESHMENT SISTEM PENGURUSAN ADUAN AWAM (SISPAA)



2 Mac - Bengkel Refreshment Sistem Pengurusan Aduan Awam (SISPAA) Bagi Pegawai Penyiasat Aduan MBMB telah diadakan di Fives Hotel, Johor Bahru. Bengkel ini diadakan bertujuan bagi pegawai penyiasat aduan memantapkan kemahiran dalam penyiasatan aduan. Taklimat telah disampaikan oleh En. Mohammad Khatib @Fazri bin Amran, Ketua Penolong Pengarah, Seksyen Perkhidmatan Perbandaran dan Aduan, Jabatan Kerajaan Tempatan, Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan. Turut berlangsung penyampaian sijil kepada peserta kursus oleh En. Hafiz bin Hj. Hassan, Pengarah Pengurusan Korporat dan Komuniti MBMB.

BENGKEL KEPENTINGAN PELAN PENGURUSAN KONSERVASI (CONSERVATION MANAGEMENT PLAN)

5 Mac - Bengkel Kepentingan Pelan Pengurusan Konservasi (*Conservation Management Plan*) untuk Bangunan Warisan telah diadakan di Hotel Courtyard by Marriot, Melaka. Bengkel ini bertujuan meningkatkan kesedaran dan kefahaman tentang Pelan Pengurusan Konservasi yang menerangkan tentang kepentingan bangunan warisan. Majlis ini telah dirasmikan oleh Tn. Ahmad Azlan bin Ahmad Salleh, Setiausaha Bandaraya MBMB. Hadir sama Clr. Zamani bin Md. Isa, Timbalan Ketua Ahli Majlis, Ahli-ahli Majlis, Ketua-ketua Jabatan dan Pegawai-pegawai Kanan MBMB. Tahniah kepada semua peserta bengkel!



MESYUARAT AGUNG PUSPANITA MBMB BIL. 1/2024

19 Januari - Mesyuarat Agung Puspanita MBMB Bil. 1/2024 telah diadakan di Dewan Taming Sari, MBMB. Mesyuarat ini telah dirasmikan oleh YBhg. Datuk Hj. Shadan bin Hj. Othman, Datuk Bandar MBMB. Seterusnya YBhg. Datin Hj. Suriyati binti Yaapar selaku Pengerusi Puspanita MBMB meneruskan agenda mesyuarat agung dengan pelantikan Ahli Jawatankuasa biro-biro di peringkat puspanita mbmb seiring dengan visi dan misi di peringkat negeri dan kebangsaan. Hadir sama adalah Pn. Afiana binti Husin iaitu isteri kepada Tn. Setiausaha Bandaraya selaku Timbalan Puspanita MBMB dan semua anggota wanita MBMB.



Berikut adalah senarai AJK biro yang dilantik:

1. Biro Agama dan Kebajikan -
Pengerusi : Pn. Nurhayati binti Ismail
Naib Pengerusi : Pn. Fadhlina binti Mohni
2. Biro Sosial -
Ketua : Cik Siti Asurah binti Abd Ghani
Naib Pengerusi : Cik Azirah binti Abdul Razak
3. Biro IT dan Ekonomi -
Pengerusi : Pn. Salfadura binti Mustapha
Naib Pengerusi : Pn. Manisah binti Mohd Tamin
4. Biro Sukan -
Pengerusi : Pn. Hibenarisal binti Bajuri
Naib Pengerusi : Pn. Siti Sufynah binti Zainal Abidin

Tahniah kepada semua yang terpilih!!!



ZIARAH KASIH PUSPANITA



29 Mac - Ziarah kasih anjuran Biro Agama dan Kebajikan, PUSPANITA MBMB telah diadakan pada hari ini kepada anggota dan juga pesara wanita yang telah diuji dengan penyakit kanser yang telah berkhidmat di MBMB. Ziarah kasih ini diketuai oleh YBhg. Datin Hj. Suriyati binti Yaapar, isteri kepada Datuk Bandar MBMB. Hadir sama Ketua-ketua Jabatan serta Pegawai-pegawai Kanan MBMB.

Semoga sedikit sumbangan yang diberikan dapat memberikan keceriaan kepada mereka. Semoga diberikan kesembuhan kepada mereka yang diuji dengan kesakitan.

ZIARAH KASIH ANULAE



3 April - Program Ziarah Sentuhan Kasih Ramadan sempena Syawal 1445H oleh ANULAE Cawangan Melaka telah diadakan ke kediaman pesara MBMB. Sebanyak 10 buah rumah pesara MBMB telah dikunjungi bagi menyantuni serta bertanya khabar mereka.

Program ini diketuai oleh En. Norman bin Hj. Taib selaku Pengerusi ANULAE Cawangan Melaka serta ahli-ahli jawatankuasa ANULAE. Semoga semuanya diberikan kesihatan yang berpanjangan dan dimudahkan urusan seharian.

CERAMAH AGAMA PERDANA OLEH ASATIZAH SELEBRITI

14
MAC
2024
(KHAMIS)

USTAZAH ASMA' HARUN
RAMADAN FIRST CLASS
Dewan Taming Sari, MBMB

04
APRIL
2024
(KHAMIS)

USTAZ JAFRI ABU BAKAR MAHMOODI
PECUTAN TERAKHIR RAMADAN
Dewan Taming Sari, MBMB

13
MEI
2024
(ISNIN)

USTAZ ABDULLAH BIN ABDOL RAZAK
ZAUJAH DAMBAAN SYURGA
Dewan Taming Sari, MBMB



CERAMAH AGAMA BULANAN



SALAH FAHAM DALAM ILMU FARAI'D
USTAZ MUHAMMAD NAZMI BIN KAMIS

Tarikh : 30 Januari 2024 (selasa)
Tempat : Auditorium MBMB



MARHABAN YA RAMADAN
USTAZ RASHIDI BIN ABDUL RAZAK

Tarikh : 27 Februari 2024 (Selasa)
Tempat : Auditorium MBMB



SOLAT JAMAK DAN QASAR
USTAZ SYED MUHAMMAD DZAFFRYN BIN SYED ABDUL RASHAD AS SAGGAF

Tarikh : 26 April 2024 (Jumaat)
Tempat : Auditorium MBMB



FIQH KORBAN
USTAZ ABD RAHMAN BIN ABDULLAH

Tarikh : 28 Mei 2024 (Selasa)
Tempat : Auditorium MBMB



AMALAN SEDEKAH & KELEBIHAN
USTAZ ABDUL SUKOR BIN HJ. TALIB

Tarikh : 28 Jun 2024 (Jumaat)
Tempat : Auditorium MBMB

AUDIT EKSA



14 Mei - 17 Mei - Mesyuarat Pembukaan Audit Pensijilan Semula Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) oleh Jabatan Ketua Menteri Melaka telah diadakan di Anjung Makmur, MBMB. Mesyuarat ini dipengerusikan oleh Yang Berusaha Tn. Ahmad Azlan bin Ahmad Salleh, Setiausaha Bandaraya MBMB dan dihadiri oleh Ketua-ketua jabatan dan unit, ketua Zon EKSA serta pegawai-pegawai Kanan MBMB.

Audit akan diadakan selama 4 hari bermula 14 Meisehingga 17 Mei 2024. Seramai empat orang auditor yang telah dilantik untuk mengaudit MBMB.

Mesyuarat penutup pula telah diadakan pada 17 Mei 2024 dan dipengerusikan oleh YBhg. Datuk Hj. Shadan bin Hj. Othman, Datuk Bandar serta dihadiri oleh Tn. Ahmad Azlan bin Ahmad Salleh, Setiausaha Bandaraya MBMB,

Ketua-Ketua Jabatan dan Unit Ketua Zon EKSA.

Auditor daripada Jabatan Ketua Menteri Melaka membentangkan amalan baik dan penemuan penambahbaikan di setiap zon.

Semoga MBMB mendapat pensijilan Cemerlang bagi EKSA.

MAJLIS TADARUS DAN KHATAM AL-QURAN MBMB



28 Mac - Telah berlangsung Majlis Tadarus dan Khatam Al-Quran MBMB anjuran Kelas Agama & Motivasi MBMB bersama Puspanita MBMB sempena Nuzul Quran. Majlis ini melibatkan semua anggota daripada setiap jabatan dan unit MBMB.

Majlis telah diadakan di Dewan Taming Sari MBMB dan disempurnakan oleh YBhg. Datuk Hj. Shadan bin Hj. Othman, Datuk Bandar MBMB. Hadir sama adalah Tn. Ahmad Azlan bin Ahmad Salleh, Setiausaha MBMB, ketua-ketua jabatan dan unit MBMB.

Majlis turut diserikan dengan kehadiran anak-anak tahfiz dari Pusat Tahfiz Hadith & Al-Quran Duyong, Melaka bersama guru pengiring iaitu Ustaz Muhd Abul Firda bin Ahmad. Majlis ini juga dipimpin oleh Tn. Hj. Abdul Rashid bin Abd Rahman, Imam Masjid Fathur Rahman Pengkalan Rama, Melaka.

MAJLIS PERASMIAN KARNIVAL SUKAN PERSATUAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN MALAYSIA (MALA)



22 Februari - Majlis Perasmian Karnival Sukan Persatuan Pihak Berkuasa Tempatan Malaysia (MALA) telah diadakan di Dewan Bola Keranjang, Taman Bandaraya Bukit Serindit.

Majlis ini telah disempurnakan oleh YB Datuk Rais bin Datuk Wira Yasin, EXCO Kanan Perumahan, Kerajaan Tempatan, Saliran, Perubahan Iklim dan

Pengurusan Bencana. Hadir sama timbalannya, YB Datuk Zulkiflee bin Datuk Seri Mohd Zin, YBhg. Datuk Hj. Shadan bin Hj. Othman, Datuk Bandar MBMB merangkap Presiden MALA, Datuk Bandar dan YDP Pihak Berkuasa Tempatan satu Malaysia.

Sebanyak 57 kontinjen sukan daripada PBT yang turut serta dalam karnival

Sukan MALA ini di mana 4 acara dipertandingkan iaitu hoki 7 sebelah, dart, sepak takraw dan futsal yang dianjurkan oleh keempat-empat PBT Negeri Melaka.


Selamat maju jaya kepada semua kontinjen sukan yang bertanding !!!

KEJOHANAN GOLF AMAL MALA

24 Februari - Telah berlangsung Kejuhan Golf Amal MALA di Ayer Keroh Country Club, Melaka. Kejuhan disertai oleh Datuk- datuk Bandar, YDP-YDP PBT yang menyertai Karnival Sukan MALA serta wakil Pihak Berkuasa Tempatan.

Perlawanan dimulai seawal pagi dan Majlis Perasmian dan Penyampaian Hadiah telah disempurnakan oleh Datuk Wira Zaidi bin Johari, Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka. Hadir sama YBhg. Datuk Hj. Shadan bin Hj. Othman, Datuk Bandar MBMB merangkap Presiden MALA.

Tahniah kepada semua peserta!!



KEJOHANAN DART KARNIVAL SUKAN MALA

25 Februari - Kejohanan Dart Karnival Sukan Persatuan Pihak Berkuasa Tempatan Malaysia (MALA) telah diadakan di Dewan Petanda, Pejabat Daerah dan Tanah Jasin. Majlis penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh YBhg. Datuk Hj. Shadan bin Hj. Othman, Datuk Bandar MBMB merangkap Presiden MALA.

Johan telah diungguli oleh Majlis Bandaraya Ipoh, Naib Johan Majlis Bandaraya Shah Alam Tempat Ketiga Majlis Bandaraya Diraja Klang dan Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah di Tempat Keempat.

Tahniah kepada semua peserta !!!



MAJLIS PELANCARAN PERTANDINGAN INOVASI 3.0 PIALA YB MENTERI KPKT



4 Mac 2024 - Majlis Pelancaran Pertandingan Inovasi 3.0 Piala YB Menteri KPKT turut berlangsung di Menara MBAS. Majlis tersebut telah dirasmikan oleh Datuk Bandar Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah merangkap Presiden Persatuan Pihak Berkuasa Tempatan Malaysia (MALA), YBhg. Datuk Hj. Shadan Bin Hj. Othman diiringi Datuk Bandar Alor Setar, YBhg. Dato' Haji Mohd Yusri Bin Haji Md Daud.

Piala Inovasi YB Menteri KPKT adalah acara tahunan yang dianjurkan oleh Persatuan Pihak Berkuasa Tempatan (MALA) melalui sokongan Kementerian Pembangunan dan Kerajaan Tempatan yang menghargai inisiatif pembangunan teknologi oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) seluruh negara.

Program ini bertujuan untuk memberi ruang dan peluang kepada semua warga PBT untuk menyumbang idea inovasi yang dapat memberi manfaat kepada PBT dan kesejahteraan seluruh rakyat Malaysia.

Piala Inovasi YB Menteri KPKT adalah acara tahunan yang dianjurkan oleh Persatuan Pihak Berkuasa Tempatan (MALA) melalui sokongan Kementerian Pembangunan dan Kerajaan Tempatan yang menghargai inisiatif pembangunan teknologi oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) seluruh negara. Program ini bertujuan untuk memberi ruang dan peluang kepada semua warga PBT untuk menyumbang idea inovasi yang dapat memberi manfaat kepada PBT dan kesejahteraan seluruh rakyat Malaysia.

Pertandingan berprestij ini akan berlangsung mulai tahun ini sehingga tahun 2025 dan turut menawarkan hadiah berbentuk projek BP1 KPKT, Piala Pusingan dan Piala Iringan, Wang Tunai serta sijil penyertaan yang menjadikan jumlah keseluruhan hadiah bernilai RM3.04 juta.

Selesai majlis pelancaran, pihak MALA turut mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan Persatuan Pihak Berkuasa Tempatan Malaysia (MALA) Kali Ke-23 Tahun 2024.

Hadir sama di program tersebut ialah Ahli-Ahli Jawatankuasa Eksekutif Pihak Berkuasa Tempatan Malaysia (MALA) serta perwakilan PBT-PBT dari seluruh Malaysia.

Persaraan Anggota



Nama : **PN. RUHAIYA BINTI ZAINAL**
Jabatan : **Kejuruteraan**
Tempoh Berkhidmat : **38 tahun 6 bulan**



Nama : **PN. RAHAYU BINTI MANSOR**
Jabatan : **Kewangan**
Tempoh Berkhidmat : **22 tahun 10 bulan**



Nama : **EN. NORDIN BIN DAGANG**
Jabatan : **Landskap dan Pengindahan Bandaraya**
Tempoh Berkhidmat : **24 tahun 6 bulan**



Nama : **EN. JOHAR BIN KAMIS**
Jabatan : **Penguatkuasaan**
Tempoh Berkhidmat : **19 tahun 02 bulan**



Nama : **EN. MUSTAPHA BIN DOLLAH**
Jabatan : **Landskap dan Pengindahan Bandaraya**
Tempoh Berkhidmat : **17 tahun 10 bulan**



Nama : **EN. MAZLAN BIN SAID**
Jabatan : **Kejuruteraan**
Tempoh Berkhidmat :



Nama : **PN. SITI KALTHUM BINTI HUSSIN**
Jabatan : **Kesihatan Persekitaran MBMB**
Tempoh Berkhidmat : **20 tahun**

OPERASI CEGAH JENAYAH SOSIAL

27 Januari - Satu Operasi Cegah Jenayah Sosial yang diketuai oleh Tuan Mohd Irwan Bin Samat, Pengarah Jabatan Penguatkuasaan MBMB telah diadakan. Turut membantu dalam menjayakan operasi ini adalah Jabatan Siasatan Jenayah IPD Melaka Tengah, Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM), Agensi Anti Dadah Kebangsaan Negeri Melaka (AADK), dan Kementerian Kesihatan Malaysia Negeri Melaka (KKM).

Dalam operasi ini, pelbagai tindakan telah dikenakan kepada pemilik premis dan juga pengunjung yang telah melakukan kesalahan mengikut bidang kuasa agensi masing-masing. Pihak PDRM pula membuat kawalan keselamatan sepanjang operasi dijalankan. Operasi ini akan diteruskan dari semasa ke semasa bagi memastikan semua pemilik premis dan pengunjung mematuhi peraturan yang telah ditetapkan.

Terima kasih diucapkan kepada semua 'sahabat' agensi penguatkuasaan atas kerjasama ini.



OPS PEKASA



19 Jun - Ops PEKASE (Operasi Penguatkuasaan Kawal Selia) anjuran Jabatan Landskap Dan Pengindahan Bandaraya MBMB dimulakan dengan sesi taklimat operasi di MBMB dan seterusnya menjalankan pemeriksaan ke atas premis dan kawasan perindustrian.

15 Notis Pemberitahuan Kesalahan (NPK) iaitu Kompaun telah dikeluarkan ke atas kesalahan membiarkan premis dalam keadaan kotor dan operator premis yang tidak melantik syarikat bagi kerja-kerja kutipan dan pelupusan sampah bagi premis institusi, komersil dan indsutri sejajar dengan Akta 672 yang dikuatkuasakan oleh pihak konsesi SWCORP.

Selain itu kesalahan membiarkan sisa tred di hadapan premis juga telah dikenalpasti oleh Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran yang menjalankan pemeriksaan ke atas premis. Kawasan yang terlibat adalah Taman Teknologi Cheng.

OPERASI INDUSTRI





26 Mac 2024 - Sekitar Operasi Industri yang diketuai oleh Jabatan Penguatkuasaan bersama jabatan dalam Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah. Operasi ini diadakan secara berkala yang menumpukan kawasan-kawasan industri di dalam kawasan pentadbiran MBMB. Turut hadir di lokasi adalah Tuan Mohd Irwan Bin Samat, Pengarah Jabatan Penguatkuasaan, MBMB di Kawasan Perindustrian Teknologi Cheng.



Antara jabatan yang terlibat adalah Jabatan Kawalan Bangunan dan Jabatan Kesihatan & Persekitaran MBMB. Sejumlah 7 Notis Pemberitahuan Kesalahan telah dikeluarkan atas kesalahan yang dilakukan oleh premis yang terbabit.

Selain dari menguatkuasakan undang-undang, perkongsian maklumat juga turut diberi supaya pemilik dan pekerja sentiasa cakna dalam mematuhi syarat dan keperluan yang ditetapkan oleh pihak Majlis.

OPERASI LANCA



30 Mac 2023 – Satu Operasi Pemeriksaan Beca telah diadakan di sekitar kawasan pelancongan Bandar Hilir. Operasi ini diketuai oleh Pengarah Jabatan Penguatkuasaan Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah, Tuan Mohd Irwan Bin Samat yang turut disertai oleh anggota dari Jabatan Pelesenan & Pembangunan Perniagaan MBMB dan pihak Polis Di Raja Malaysia (PDRM) Negeri Melaka.

Hasil operasi ini, seramai 72 orang pengayuh beca telah diperiksa dan sebanyak 12 Notis Pemberitahuan

Kesalahan (NPK) telah dikeluarkan kepada pengayuh beca atas pelbagai kesalahan.

Antara kesalahan yang telah diambil tindakan adalah atas kesalahan tidak mempunyai lesen pengayuh, beca tanpa permit, gagal mempamer lesen kayuhan/permit beca dan membuat halangan di tempat awam.

Selain dari tindakan penguatkuasaan tersebut, teguran dan nasihat juga diberi supaya pengayuh beca mengawal kadar

bunyi muzik yang dimainkan, tidak mengayuh secara melulu, tidak mengayuh menentang arah lalu lintas dan juga tidak mengenakan bayaran melebihi kadar yang dicadangkan.

Operasi dan pemantauan ini akan diteruskan secara berkala bagi memastikan operasi dan aktiviti beca ini sentiasa mengikut syarat dan garis panduan yang telah ditetapkan oleh MBMB.

